

Semangat sukarelawan Sukan SEA

TATKALA ditawarkan menjadi Ketua Latihan Modul Umum Sukarelawan Sukan SEA ke-29, penulis menyangka sesi ceramah ini biasa-biasa sahaja dan tak ada bezanya dengan yang penulis kendalikan sebelum ini. Namun, pandangan itu meleset sama sekali. Suasana melatih sukarelawan Malaysia terlalu berbeza dengan apa yang pernah dilalui sebelum ini.

Mereka yang hadir bukannya para pelajar yang inginkan segulung ijazah ataupun kumpulan yang ingin meningkatkan prestasi di tempat kerja, sebaliknya terdiri daripada anak-anak Malaysia yang mempunyai satu matlamat iaitu menabur bakti kepada negara.

Sepanjang tempoh mengendalikannya lebih 19 kohort Sukarelawan Sukan SEA 2017, penulis sentiasa mampu tersenyum bangga dengan semangat anak-anak Malaysia yang ada di depan penulis. Dapat dirasakan kejujuran dan keikhlasan mereka.

Masih terngiang-ngiang hilai ketawa mereka kerana terhibur mengikuti modul yang dijalankan dan masih terbayang wajah-wajah penuh komitmen yang dipancarkan sepanjang sesi pembelajaran. Mereka ialah anak-anak Malaysia yang terlalu istimewa. Anak-anak Malaysia yang merentasi pelbagai generasi, budaya, jantina dan agama.

Pelbagai pengalaman berharga penulis peroleh sepanjang bersama anak-anak Malaysia ini. Tidak akan penulis lupa pengalaman bertemu dengan uncle Sony dan aunty Jenny yang sanggup mengorbankan percutian mereka di luar negara hanya kerana terpilih untuk menjadi Sukarelawan Sukan SEA pada 2001 lalu.

Hampir menitis air mata penulis tatkala mendengar mereka berdua menasihati anak-anak muda mengenai betapa pentingnya kita harus berkhidmat untuk negara dan bagaimana harus sentiasa bersatu demi Malaysia. Mereka berdua berumur dalam lingkungan 70-an namun semangat yang ditunjukkan mengalahkan majoriti anak-anak muda masa kini.

Semangat warga emas kita sememangnya tidak ternilai. Lebih membanggakan, Temasya Sukan SEA 2017 juga mempunyai sukarelawan yang berusia 82 tahun



ABDUL LATIFF AHMAD

iaitu Lee Peng Keong yang mana telah memecahkan rekod sebagai warga emas paling tua yang mendaftar sebagai sukarelawan.

Selain Peng Keong, Sony dan Jenny, Pakcik Fattah mempunyai ceritanya yang tersendiri. Pertemuan dengan Pakcik Fattah telah menunjukkan betapa pentingnya peranan seorang Khalifah di dalam keluarga untuk memupuk semangat nasionalisme dalam jiwa generasi masa kini. Mohamad Zamri Mohd. Nin mendapat gelaran Pakcik Fattah setelah diberikan peranan melakonkan watak tersebut sewaktu aktiviti simulasi dalam modul yang dijalankan.

Sebagai seorang sukarelawan yang berpengalaman, beliau turut mendaftarkan tiga anak perempuan dan bakal menantunya untuk turut sama menghadiri latihan sukarelawan Sukan Sea tahun ini. Pengalaman yang dilalui sewaktu Sukan SEA dan Sukan Komanwel yang terdahulu ingin dikongsi bersama anak-anak. Beliau percaya betapa pentingnya semangat sukarelawan harus dimulakan dari peringkat keluarga.

Ibu bapa harus memainkan peranan untuk memberikan pendedahan aktiviti kesukarelawanan kepada anak-anak. Sungguhnya Darliza, Adlina, Asyikin dan Nik Muhammad Adib harus berbangga mempunyai seorang ikon sukarelawan dalam keluarga yang dapat menyemarakkan semangat sayangkan negara. Penulis juga berbangga dengan anak-anak muda yang merasakan kesukarelawanan sebagai satu tanggungjawab dan amanah kepada negara.

Sri Kumaran adalah pelajar tajaan biasiswa JPA yang baharu sahaja menamatkan pengajian di sebuah universiti berprestij luar negara dan kini berkhidmat sebagai seorang jurutera elektronik di sebuah syarikat antarabangsa. Beliau menceritakan betapa bersyukur tatkala diberi peluang untuk melanjutkan pengajian di luar negara.

Katanya, tidak pernah terbayang untuk mendapat peluang



KOMITMEN ditunjukkan oleh warga tua dan generasi muda untuk menjadi sukarelawan Sukan SEA 2017 membuktikan Malaysia tidak ketandusan generasi yang bersemangat patriotik. - GAMBAR IHSAN UKM

sebegitu kerana kos pengajian yang agak tinggi. Oleh itu, sebagai membalas budi rakyat Malaysia, program sukarelawan dirasakan sebagai salah satu platform yang boleh digunakan. Tambahan lagi, inilah salah satu cara yang beliau dan rakan-rakan boleh lakukan untuk berbakti semula kepada negara yang telah berjaya merealisasikan impian dan cita-cita mereka.

Selain itu, saya turut kagum dengan semangat Syazwan Syukri, seorang guru dari Sekolah Kebangsaan Bukit Mawang, Bintulu yang terus menempah tiket penerbangan ke Kuala Lumpur sejurus mendapat berita telah terpilih sebagai sukarelawan. Cikgu Syazwan merasakan ini adalah satu penghormatan yang diberikan oleh negara kepada beliau sebagai anak Malaysia. Perjalanan dua jam menggunakan kereta pacuan roda 4x4 dari kawasan pedalaman Bintulu ke lapangan terbang hanyalah satu pengorbanan kecil jika dibandingkan dengan bakti yang dapat dicurahkan.

Hati penulis terus luluh apabila bertemu dengan Phillip, seorang orang kurang upaya (OKU) yang pekak dan bisu. Walaupun tiada suara yang kedengaran namun keghairahan dan semangat yang dipaparkan tetap terasa. Saya seolah-olah dapat 'mendengar' betapa kental jiwa beliau untuk bangkit bersama demi negara tercinta. Riak wajah yang dipaparkan penuh kejujuran dan

harapan bagi merealisasikan impian untuk berkhidmat kepada negara.

Sememangnya kesemua mereka ini telah menonjolkan ciri-ciri Wow Factor yang dicari dalam kalangan sukarelawan Sukan SEA iaitu bersikap positif, penuh dedikasi, tabah dan berani dalam menjalankan amanah sebagai duta kecil negara.

Secara ringkasnya, modul Komunikasi Merentas Budaya dan Kemahiran Komunikasi Berkesan bertujuan mengajar kaedah komunikasi secara dalaman iaitu sesama sukarelawan dan kaedah yang bersesuaian untuk berkomunikasi dengan tetamu dari luar negara. Para sukarelawan telah didedahkan dengan aktiviti simulasi mesyuarat Kay Jay, projek komunikasi visual, sesi uji minda menggunakan teknologi kahoot dan juga video pembelajaran yang boleh dilayari menerusi laman web openlearning.com.

Memang benar, saya adalah salah seorang pengajar latihan modul sukarelawan Sukan SEA ini, namun hakikatnya saya yang banyak belajar erti sebenar menjadi anak Malaysia daripada 'wirawira' yang tidak didendang ini.

DR. ABDUL LATIFF AHMAD ialah Timbalan Pengarah Pusat Hubungan Antarabangsa, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Ketua Modul Komunikasi Merentas Budaya dan Kemahiran Komunikasi Berkesan, Program Latihan Sukarelawan Sukan SEA.